

Terma dan Syarat Peraduan

Peraduan Mamee® Corntoz “Lie or Lime!” (“Peraduan”)

Sila baca terma-terma dan syarat-syarat (“**Terma dan Syarat**”) ini dengan teliti sebelum anda menyertai Peraduan ini. Dengan menyertai Peraduan ini, anda (“**Peserta**”) mengakui telah membaca dan bersetuju untuk menerima dan mematuhi Terma dan Syarat ini. Pihak Penganjur berhak untuk mengubahsuai Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.

No.	Komponen	Perkara
1.	Pihak Penganjur	Mamee-Double Decker Distribution (M) Sdn. Bhd. dan syarikat-syarikat sekutunya.
2.	Peraduan	Peraduan Mamee® Corntoz “Lie or Lime!”
3.	Kelayakan	Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas kecuali kakitangan Pihak Penganjur termasuk ahli keluarga terdekat mereka, syarikat-syarikat sekutunya, pembekal / pengedar, agensi promosi / pengiklanan / perhubungan awam dan pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini.
4.	Tempoh Peraduan	01 Oktober 2025 – 30 November 2025 Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan menurut budi bicaranya tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.
5.	Cara-cara penyertaan Peraduan	Langkah 1: Beli mana-mana produk Corntoz 80g/100g (aneka perisa) dengan jumlah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Lima (RM5.00) (“Nilai Minimum”) dalam satu resit rasmi (“Bukti Pembelian”) daripada mana-mana kedai fizikal atau melalui pembelian dalam talian yang dibuat secara di platform e-dagang rasmi pihak Penganjur (“MAMEE OFFICIAL STORE”) sepanjang Tempoh Peraduan. Langkah 2: Imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi yang terdapat di kedai yang mengambil bahagian ATAU klik pautan atas talian di http://corntozcontest.mamee.com .

		Langkah 3 : 1. Peserta akan diberi peluang untuk menonton video mingguan yang menampilkan dua (2) KOL, di mana seorang menikmati Corntoz Spicy Lime Burst manakala seorang lagi hanya berpura-pura. Peserta perlu membuat tekaan siapakah KOL yang benar-benar makan Corntoz pedas tersebut, kemudian mengisi borang penyertaan dan memuat naik gambar Bukti Pembelian (resit rasmi) (pastikan butiran peserta, maklumat resit, tarikh dan nombor resit terpapar adalah jelas). • Nama (seperti MyKad) • Nombor Kad Pengenalan • Nombor Telefon yang sah (WhatsApp Aktif) • Jawapan tekaan (KOL A atau KOL B) yang betul • Gambar Jelas Bukti Pembelian 2. Setiap penyertaan yang sah dan telah diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan akan diberikan satu (1) nombor bersiri, dengan syarat peserta memenuhi kriteria yang ditetapkan. Penyertaan akan dianggap sah hanya jika peserta mengemukakan Bukti Pembelian yang sah bernilai minimum Ringgit Malaysia Lima (RM5) dalam satu resit, memberikan jawapan tekaan yang betul (iaitu meneka KOL yang sebenar-benar makan Corntoz Spicy Lime Burst), serta melengkapkan maklumat peribadi dengan tepat di dalam borang penyertaan. Satu (1) nombor bersiri penyertaan akan diperuntukkan bagi setiap Bukti Pembelian yang menepati nilai minimum RM5 dan disertakan dengan jawapan tekaan yang betul, sama ada pembelian dilakukan di kedai fizikal atau platform dalam talian yang mengambil bahagian. Penyertaan sedemikian akan dikira sebagai satu (1) "Penyertaan Layak". Sebagai contoh : i. Bukti Pembelian bernilai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) Produk Corntoz 80g/100g dengan jawapan tekaan yang betul, akan diberikan dua (2) nombor bersiri. ii. Bukti Pembelian bernilai Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15) Produk Corntoz 80g/100g dengan jawapan tekaan yang betul, akan diberikan tiga (3) nombor bersiri.
--	--	---

		3. Simpan resit pembelian asal sebagai bukti penyertaan dan untuk tujuan pengesahan. 4. Peserta yang membuat pembelian secara dalam talian yang disenarai pendek sebagai pemenang WAJIB mengemukakan E-invois bagi tujuan pengesahan. 5. E-invois mesti mengandungi maklumat lengkap seperti: (i) Nama Kedai (MAMEE OFFICIAL STORE) (ii) Nombor pesanan (Order ID) (iii) Tarikh pembelian (iv) Nombor Invoice (v) Nama produk (SKU) (vi) Jumlah pembelian 6. Peserta yang gagal mengemukakan E-invois yang lengkap dan sah dalam tempoh dua (2) hari bekerja dari tarikh notifikasi oleh Pihak Penganjur akan dibatalkan kelayakan, dan pemenang baharu akan dipilih. 7. Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 30 November 2025. Sebarang Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik. 8. Untuk penyertaan Mingguan, Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur sebelum atau pada 23:59:59 hari terakhir pada Jadual Mingguan Peraduan di bawah: i. Minggu 1 : 01 Oktober 2025 – 12 Oktober 2025 ii. Minggu 2 : 13 Oktober 2025 – 19 Oktober 2025 iii. Minggu 3 : 20 Oktober 2025 – 26 Oktober 2025 iv. Minggu 4 : 27 Oktober 2025 – 02 November 2025 v. Minggu 5 : 03 November 2025 – 09 November 2025 vi. Minggu 6 : 10 November 2025 – 16 November 2025 vii. Minggu 7 : 17 November 2025 – 23 November 2025 viii. Minggu 8 : 24 November 2025 – 30 November 2025
6.	Penyertaan sah	Hanya penyertaan yang lengkap dan menepati Terma dan Syarat Peraduan (" Penyertaan ") sahaja akan diterima oleh Pihak Penganjur.
7.	Maklumat Peserta	Peserta dikehendaki menghantar maklumat seperti nama penuh & nombor kad pengenalan untuk tujuan pengesahan maklumat dan rekod penyimpanan Peraduan.

8.	Had penyertaan	Setiap Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dengan resit yang berbeza
9.	Pemilihan Pemenang (Mingguan)	Hadiah Mingguan: Wang Tunai yang bernilai RM100 x 23 pemenang Sepanjang Tempoh Peraduan, terdapat sebanyak Dua Puluh Tiga (23) x Wang Tunai yang bernilai RM100 yang ditawarkan setiap minggu, menjadikan jumlah keseluruhan Seratus Lapan Puluh Empat (184) pemenang Hadiah Mingguan. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Mingguan, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi Penyertaan Layak Mingguan untuk setiap minggu sepanjang Tempoh Peraduan mengikut Resit yang dikemukakan [masing-masing adalah “Penyertaan Layak Mingguan” dan secara kolektif “Penyertaan Layak Mingguan”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri “1”. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak Mingguan akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah bilang Penyertaan Layak Mingguan [“Jumlah Penyertaan Layak Mingguan”]. Dengan mengandai Jumlah Penyertaan Layak Mingguan yang diterima untuk minggu tersebut adalah 300, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut: $300 \div 23 = 13.04^*$ Penyertaan yang disenarai pendek untuk Hadiah Mingguan adalah penyertaan nombor bersiri ke-13 dan nombor bersiri berikutnya dengan penggandaan 13. Contoh nombor bersiri pemenang yang di senarai pendek; 13*, 26*, 39*, 52*, 65*, 78*, 91*, 104*, 117* dan seterusnya. Seramai <u>23 Pemenang Mingguan</u> akan dipilih setiap Minggu Peraduan. Formula pembundaran akan dilakukan jika bilangan penyertaan yang menang timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke bawah kepada nombor satu digit terdekat dan nombor siri berbilang akan dipilih sebagai pemenang.

10.	Pemilihan Pemenang Hadiah Utama, Pertama dan Kedua	Hadiah Utama : Sesi Penggambaran Portfolio Korporat Standard bernilai RM6,888 + WANG TUNAI bernilai RM10,000 x 1 pemenang Terdapat Satu (1) Sesi Penggambaran Portfolio Standard bernilai RM6,888 + WANG TUNAI bernilai RM10,000 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Utama, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan [masing-masing “Penyertaan Layak” dan secara kolektif “Penyertaan Layak”]. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri “1”. Nombor bersiri yang diperuntukkan untuk setiap Penyertaan Layak akan disusun kira untuk mendapatkan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak [“Jumlah Penyertaan Layak”]. Dengan mengandai Jumlah Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Peraduan. Sebagai contoh, sekiranya jumlah penyertaan keseluruhan adalah 3000, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut: $3,000 \div 2 = 1,500^*$ Penyertaan yang disenarai pendek untuk Hadiah Utama adalah penyertaan nombor bersiri ke-1500. Seramai 1 Pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan. Formula pembundaran akan dilakukan jika bilangan penyertaan yang menang timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke bawah kepada nombor satu digit terdekat dan nombor siri berbilang akan dipilih sebagai pemenang. Hadiah Pertama: Sesi Penggambaran Portfolio Standard (Bernilai RM6,888) + Wang Tunai bernilai RM5,000 x 1 pemenang Terdapat satu (1) Sesi Penggambaran Portfolio Standard (Bernilai RM6,888) + Wang Tunai bernilai RM5,000 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.
-----	--	--

		Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Pertama, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan Layak. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1". Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan ditabulasi dan ditambah untuk memperoleh Jumlah Penyertaan Layak dan penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Utama. Dengan mengandai Jumlah Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Peraduan adalah 3000, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut: Andaikan jumlah penyertaan pemenang Hadiah Utama = 50 penyertaan; $3000 - 50 = 2950 \div 2 = 1,475$ Penyertaan yang disenarai pendek untuk Hadiah Pertama adalah penyertaan nombor bersiri ke-1475. Seramai 1 Pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan. Formula pembundaran akan dilakukan jika bilangan penyertaan yang menang timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke bawah kepada nombor satu digit terdekat dan nombor siri berbilang akan dipilih sebagai pemenang. Hadiah Kedua: DJI Osmo Action 5 Pro Standard bernilai RM1,799 x 3 pemenang Terdapat tiga (3) DJI Osmo Action 5 Pro Standard bernilai RM1,799 yang akan dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan pemenang Hadiah Kedua, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan Layak. Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan untuk Penyertaan Layak bermula dari nombor bersiri "1". Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan di tabulasi dan ditambah untuk memperoleh
--	--	---

		Jumlah Penyertaan Layak dan penolakan Penyertaan Pemenang Hadiah Utama dan Pertama. Dengan mengandai Jumlah Penyertaan Layak yang diterima untuk sepanjang Tempoh Peraduan adalah 3000, Penganjur akan mengira dan memilih pemenang yang disenarai pendek berdasarkan contoh berikut: Dengan mengandai penyertaan pemenang Hadiah Utama dan Pertama = 150 penyertaan; $3000 - 150 = 2,850 \div 3 = 950$ Penyertaan yang disenarai pendek untuk Hadiah Kedua adalah penyertaan nombor bersiri ke- 950 dan nombor bersiri berikutnya dengan penggandaan 950. Contoh nombor bersiri pemenang yang disenarai pendek: 950, 1900 dan 2850. Seramai 3 Pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan. Formula pembundaran akan dilakukan jika bilangan penyertaan yang menang timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke bawah kepada nombor satu digit terdekat dan nombor siri berbilang akan dipilih sebagai pemenang.
11.	Hadiah yang ditawarkan	Para pemenang berpeluang memenangi hadiah yang berikut: Hadiah Mingguan: Wang Tunai yang bernilai RM100 x 23 pemenang yang akan dipilih bagi setiap minggu (iaitu seramai 184 pemenang) sepanjang Tempoh Peraduan. Hadiah Utama: Sesi Penggambaran Portfolio Standard bernilai RM6,888 + WANG TUNAI bernilai RM10,000 x 1 Penggunaan Penggambaran tertakluk kepada Terma & Syarat: ❖ Sesi Penggambaran Portfolio Standard ini hanya sah untuk seorang (1) peserta sahaja. ❖ 10 keping salinan lembut (soft copy) ❖ 2 persalinan pakaian ❖ Analisis & Sesi Konsultasi ❖ Laporan Pemakaian ❖ Konseptualisasi Penggambaran ❖ Jurufoto Utama

		❖ Baucar sah selama enam (6) bulan dari tarikh dikeluarkan. ❖ Baucar harus digunakan dengan nilai penuh ❖ Penganjur tidak akan mengembalikan baki yang tidak digunakan ❖ Baucar tidak boleh digantikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai Hadiah Pertama: Sesi Penggambaran Portfolio Standard (Bernilai RM6,888) + Wang Tunai bernilai RM5,000 x 1 Penggunaan Penggambaran tertakluk kepada Terma & Syarat: ❖ Sesi Penggambaran Portfolio Standard ini hanya sah untuk seorang (1) peserta sahaja. ❖ 10 keping salinan lembut (soft copy) ❖ 2 persalinan pakaian ❖ Analisis & Sesi Konsultasi ❖ Laporan Pemakaian ❖ Konseptualisasi Penggambaran ❖ Jurufoto Utama ❖ Baucar sah selama enam (6) bulan dari tarikh dikeluarkan. ❖ Baucar harus digunakan dengan nilai penuh ❖ Penganjur tidak akan mengembalikan baki yang tidak digunakan ❖ Baucar tidak boleh digantikan dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai Hadiah Kedua: DJI Osmo Action 5 Pro Standard bernilai RM1,799 x 3
12.	Had peserta memenangi hadiah	Setiap peserta layak memenangi dua (2) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan. Sebagai contoh, Pemenang Hadiah Mingguan juga berpeluang memenangi Hadiah Utama / Hadiah Pertama atau Hadiah Kedua. Nota: Peserta terhad kepada satu (1) Hadiah Mingguan sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
13.	[jika berkaitan] Terma dan Syarat khas	9. Pengesahan Penyertaan (a) Bukti Pembelian Asal yang jelas menunjukkan Produk, Harga, Nombor Resit, Tarikh Pembelian yang Sah dan Nama Kedai. (b) Semua butiran peribadi yang diperlukan diberikan. (c) Tiada duplikasi Bukti Pembelian. (d) Tiada perubahan Bukti Pembelian di dalam apa-apa jua bentuk.

		(e) Bukti Pembelian Tulisan Tangan, Nota Pesanan, Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian. (f) Resit daripada platform e-dagang rasmi, iaitu (MAMEE OFFICIAL STORE) akan diterima sebagai Bukti Pembelian. Resit daripada mana-mana platform e-dagang lain (selain MAMEE OFFICIAL STORE) tidak akan diterima.
14.	Pemberitahuan pemenang	Senarai pemenang akan turut diumumkan di media sosial rasmi Penganjur iaitu di Facebook dan Instagram berikut: FB : https://www.facebook.com/corntozmy INSTAGRAM: https://www.instagram.com/corntozmalaysia Pihak Penganjur akan menghubungi para peserta yang terpilih sebagai pemenang tiga (3) minggu selepas tarikh tamat Tempoh Peraduan. Pihak Penganjur akan berusaha menghubungi para peserta yang terpilih sebagai pemenang berdasarkan butiran yang diberikan di dalam Penyertaan melalui telefon sebanyak tiga (3) kali percubaan. Sekiranya peserta terpilih tidak dapat dihubungi, Pihak Penganjur berhak untuk memilih pemenang layak yang seterusnya.
15.	Tempoh Tuntutan Hadiah	1. Hadiah akan diproses untuk penghantaran kepada para pemenang oleh Penganjur dalam tempoh masa 6 hingga 8 minggu selepas tamat Tempoh Peraduan, 30 November 2025. Pihak Penganjur berhak melanjutkan tempoh yang dinyatakan di bawah klausa ini atas sebab-sebab di luar kawalan pihak Penganjur. 2. Semua pemenang akan dimaklumkan atau dihubungi melalui WhatsApp untuk memberikan maklumat yang diperlukan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Nama Penuh, Butiran Hubungan, MyKad dan Alamat Penghantaran) sebagai sebahagian daripada proses penebusan hadiah. Semua pemenang mesti membalas dan memberikan maklumat yang diperlukan dalam tempoh yang ditetapkan [dalam masa dua (2) hari dari tarikh notifikasi teks] untuk layak memenangi hadiah. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan kehilangan kelayakan untuk menerima hadiah, dan Penyertaan lain yang disenarai pendek akan dipilih sebagai pengganti.
16.	Hadiah Wang Tunai (sekiranya terpakai)	Hadiah wang tunai akan diberikan melalui transaksi perbankan tanpa tunai. Pemenang dikehendaki untuk memberikan nama bank, nombor akaun bank dan maklumat peribadi yang betul dan sah bagi tujuan penyampaian hadiah

		kepada pemenang. Sila pastikan nama pemegang bank dan bank akaun adalah milik pemenang sendiri. Semua pemenang terpilih akan dimaklumkan melalui WhatsApp daripada nombor peraduan 018-2200679 ke nombor yang diterima Penganjur dalam Penyertaan. Pemenang hendaklah memberikan butiran tersebut sebagai pengesahan dan bagi proses pemenuhan Hadiah: i. Nama bank di mana Pemenang mempunyai akaun bank aktif yang dikekalkan (“Akaun Bank Aktif”); ii. Nombor akaun Akaun Bank Aktif; dan iii. Nama penuh Pemenang seperti yang tertera dalam rekod Akaun Bank Aktif tersebut (Akaun bank atas nama bersama tidak dibenarkan) Pihak Penganjur mengambil masa kira-kira dua (2) minggu atau lebih dari tarikh pemenang dihubungi bagi tujuan pemindahan wang hadiah kepada pemenang.
17.	Pengesahan Identiti	Para pemenang perlu mengemukakan bukti identiti mereka bagi tujuan pengesahan. Pemenang yang memerlukan wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka hendaklah memastikan bahawa wakil tersebut mengemukakan surat kebenaran yang ditandatangani oleh pemenang, dan surat kebenaran tersebut hendaklah dilampirkan bersama-sama sesalinan bukti identiti pemenang dan bukti identiti wakil.
18.	Terma dan Syarat Hadiah	Semua hadiah yang dituntut adalah tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam surat pengesahan / perjanjian hadiah / baucer hadiah. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh yang ditetapkan. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah yang lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai atau dipindahkan milik. Semua hadiah yang disediakan oleh Pihak Penganjur adalah atas dasar “sebagaimana sedia adanya” atau “as-is” dan diterima oleh Peserta/pemenang tanpa apa-apa jenis waranti atau jaminan, sama ada secara tersurat atau tersirat. Jika diminta oleh Pihak Penganjur, Peserta hendaklah menyempurnakan surat ikatan pelepasan dan tanggung rugi, ataupun “waiver and indemnity” dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kerosakan, atau kerugian yang dialami

		oleh Peserta semasa menyertai sebarang aktiviti berkaitan Peraduan termasuk sesi penggambaran.
19.	Tuntutan/Penghantaran hadiah	Pihak Penganjur berhak menentukan cara penghantaran, tuntutan atau penebusan hadiah dan Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesulitan, kerosakan, atau kehilangan hadiah yang berlaku semasa proses penghantaran atau tuntutan hadiah.
20.	Hak atas maklumat penyertaan dan bukti pengesahan	Semua maklumat penyertaan dan bukti pembelian yang dikemukakan oleh para Peserta untuk menyertai Peraduan ini akan menjadi hakmilik Pihak Penganjur. Jika berkenaan, hakcipta dan semua hak harta intelek (termasuk hak moral) yang wujud dalam semua Penyertaan, bukti pembelian dan bahan-bahan lain yang dikemukakan atau diserahkan oleh Peserta kepada Pihak Penganjur termasuk tetapi tidak terhad kepada bahan digital atau bukan digital, akan menjadi kepunyaan Pihak Penganjur. Di mana individu lain menyertai Peraduan bagi pihak Peserta, Peserta dengan ini mengakui bahawa kebenaran individu tersebut telah diperoleh dan semua maklumat yang diberikan adalah benar.
21.	Kebenaran menggunakan butiran Peserta	Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta/pemenang bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, imej, rakaman audio dan/atau video, butiran peribadi, dokumen dan maklumat lain Peserta/pemenang bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan/atau apa-apa tujuan lain, tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu dan tanpa perlu memberi sebarang bayaran royalti atau pampasan kepada pihak Peserta/pemenang, dan Peserta/pemenang dengan ini memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur setakat perlu di bawah undang-undang untuk penerbitan dan penggunaan nama, alamat, gambar, imej, rakaman audio dan/atau video, butiran peribadi, dokumen dan maklumat lain Peserta/pemenang tersebut. Peserta/pemenang tidak berhak menuntut hakmilik atau apa-apa jua bentuk pampasan lain terhadap maklumat tersebut.
22.	Hak Milik Intelektual	Pihak Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya, untuk menggunakan dan mengeksploitasi harta intelek melalui mana-mana kaedah atau perantara dan dalam apa jua cara dan pada bila-bila masa yang dianggapnya wajar tanpa terlebih dahulu mendapatkan apa-apa kebenaran atau

		membuat apa-apa pembayaran pun jua kepada Peserta dan/atau pemenang Peraduan ini dan/atau wakil.
23.	Penyingkiran Peserta/ Pemenang	(a) Pihak Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggalnya, menyingkirkan mana-mana Peserta/pemenang yang mengganggu mekanisme, sistem, perisian Peraduan ini atau apa-apa proses lain berkaitan dengan Peraduan ini. (b) Pihak Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggalnya, menyingkirkan mana-mana Peserta dan/atau Penyertaan yang didapati (menurut budi bicara Pihak Penganjur) tidak sopan atau tidak sesuai untuk tatapan umum, atau didapati atau disyaki menipu/menggodam/mengusik proses penyerahan Peraduan, pengendalian Peraduan ini atau melanggar apa-apa Terma dan Syarat Peraduan ini. Pihak Penganjur berhak untuk meneruskan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayainya terlibat dalam aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan Peraduan ini, Pihak Penganjur atau proses penyerahan Peraduan.
24.	Am	(a) Pihak Penganjur dan kesemua pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pegawai dan ejen mereka tidak bertanggungjawab dalam apa-apa cara sekalipun terhadap yang berikut: (i) Campur tangan oleh pihak yang tidak berkenaan semasa peraduan ini; dan/atau (ii) Sebarang bentuk gangguan teknikal dan kesilapan elektronik atau manusia dalam pengurusan Peraduan dan pemprosesan Penyertaan. (b) Pihak Penganjur berhak meminda terma dan syarat atas budi bicaranya tanpa sebarang notis. Segala keputusan oleh Pihak Penganjur adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat, rayuan, aduan atau soalan berhubung dengan keputusan tersebut tidak akan dilayan. (c) Pihak Penganjur, agen, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat ini dan peraturan berhubung dengan Peraduan jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak bertanggungjawab untuk memberikan pampasan kepada Peserta dalam apa cara jua dalam keadaan sedemikian.

25.	Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan	(a) Dengan menyertai Peraduan ini, anda dianggap telah membaca, memahami, dan bersetuju data peribadi anda diproses mengikut Notis Privasi seperti yang terdapat di https://mamee.com/pdpa-bm/ atau https://mamee.com/pdpa-english/ (versi Bahasa Inggeris). (b) Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa maklumat Penyertaan yang diserahkan (termasuk apa-apa foto, lukisan, gambar, slogan, apa-apa bahan atau karya kreatif lain, termasuk rakaman suara atau video) hendaklah karya aslinya dan tidak melanggar apa-apa hak mana-mana pihak ketiga dan/atau melanggar sebarang hakcipta, paten, nama cap dagangan, hak keempunyaan, peribadi, privasi atau hak moral mana-mana pihak ketiga. (c) Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa dia mengenyepikan dan mengabaikan atau telah mendapatkan pengenyepian atau pengabaian terhadap semua hak (termasuk hak moral) daripada semua orang yang telah menyumbang kepada penghasilan Penyertaan dan karya dasar (secara kolektif "Penyumbang") yang berhak ditegaskan oleh Penyumbang dan/atau Peserta, kini atau di masa hadapan, di mana-mana tempat di dunia. (d) Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa Penyertaan yang diserahkan oleh Peserta tidak boleh mengandungi unsur-unsur kebogelan, imej pornografi atau tema seksual, keganasan grafik, kenyataan atau bahan memfitnah atau melibel yang dianggap menyalahi undang-undang/ menyinggung atau mungkin melanggar undang-undang Malaysia atau bahan yang kemungkinan akan mencemarkan imej Pihak Penganjur atau menyebabkan Pihak Penganjur mendapat nama buruk. Sebarang pelanggaran klausa ini akan memberikan budi bicara mutlak kepada Pihak Penganjur untuk menyingkirkan dan menolak dan/atau mengeluarkan apa-apa Penyertaan atau posting dengan serta-merta tanpa notis terdahulu. (e) Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk menggunakan atau mengeksploitasi Penyertaan Peserta atau mana-mana bahagian daripadanya dalam sebarang dan semua bentuk perantara melalui apa-apa dan semua kaedah atau cara di seluruh dunia untuk tempoh penuh hakcipta termasuk semua pembaharuan bersama-sama dengan hak untuk memberi kuasa orang lain untuk berbuat demikian tanpa perlu membayar apa-apa
-----	--	---

		imbuhan atau royalti kepada Peserta. Untuk mengelakkan keraguan, Pihak Penganjur tidak mempunyai kewajiban untuk menggunakan atau mengeksploitasi mana-mana bahagian daripadanya. (f) Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa dia tidak akan menggunakan Penyertaan atau mana-mana bahagian daripadanya bagi tujuan selain daripada tujuan yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat. Sekiranya Penyertaan atau mana-mana bahagian daripadanya diterbitkan atau diedarkan atau ditangani dalam apa jua cara tanpa kebenaran terdahulu daripada Pihak Penganjur, Pihak Penganjur berhak menurut budi bicara mutlaknya menyingkirkan Peserta dan/atau membatalkan apa-apa hadiah yang dimenangi dan tidak akan menanggung apa-apa liabiliti pun jua terhadapnya. (g) Semua hak dan keistimewaan yang diberikan di dalam ini kepada Pihak Penganjur tidak boleh dibatalkan dan tidak tertakluk kepada pembatalan, sekatan atau injunksi dalam sebarang dan semua keadaan. Peserta tidak akan dalam apa jua keadaan berhak mendapat relief injunksi atau untuk menahan atau sebaliknya mengganggu penganjuran Peraduan ini, penerbitan, pengedaran, pameran dan/atau eksploitasi Peraduan ini dan/atau apa-apa produk berdasarkan dan/atau yang berpunca daripada Peraduan ini. (h) Pihak Penganjur berhak pada bila-bila masa untuk mengubah, meminda, memotong atau menambah Terma dan Syarat dan peraturan lain termasuk mekanisme Peraduan ini menurut budi bicara mutlaknya. (i) Penyerahan Penyertaan tidak menjamin bahawa Peserta akan memasuki Peraduan ini. Pihak Penganjur mempunyai budi bicara mutlak untuk menolak atau enggan menerima penyerahan Penyertaan dan kemasukan Peserta atas sebab-sebab termasuk (tanpa had) jika Penyertaan adalah tidak lengkap atau apa-apa peruntukan dalam Terma dan Syarat tidak dipatuhi. (j) Peserta menjamin, berakujanji dan bersetuju bahawa mereka tidak akan menggunakan sebarang kaedah tidak sah atau manipulasi teknikal untuk meningkatkan peluang memenangi hadiah. Ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan bot, skrip automatik, perisian pihak ketiga, eksploitasi pepijat dalam permainan, atau pengumpulan skor luar biasa secara berulang. (k) Pihak Penganjur berhak menyingkirkan dan/atau mengecualikan Peserta dan/atau menarik balik hadiah (pada mana-mana peringkat Peraduan) jika -
--	--	---

		(i) Peserta tidak layak atau tidak memenuhi apa-apa kriteria kelayakan yang dibentangkan dalam Terma dan Syarat ini; atau (ii) Peserta memungkiri Terma dan Syarat ini dan peraturan lain; atau (iii) Peserta melanggar apa-apa undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa; atau (iv) menurut penentuan tunggal Pihak Penganjur, Pihak Penganjur percaya bahawa Peserta telah cuba menjejaskan pengendalian Peraduan ini melalui fraud, penipuan atau perdayaan. (l) Jika berlaku penyingkiran selepas hadiah diberikan, Pihak Penganjur berhak menuntut agar hadiah dipulangkan atau pembayaran nilai yang bersamaan dengannya daripada Peserta yang disingkirkan. (m) Meskipun Pihak Penganjur akan berusaha sedaya upaya untuk melakukan penentusahan yang perlu mengenai kelayakan Peserta, kegagalan untuk menyingkirkan mana-mana Peserta yang tidak layak tidak akan dianggap kemungkiran oleh Pihak Penganjur. (n) Jika berkenaan, hadiah tunai akan diberikan kepada pemenang dalam bentuk cek. Pemenang hadiah tunai bertanggungjawab atas sebarang dan semua cukai yang perlu dibayar (jika perlu) akibat pemberian atau penerimaan hadiah dan semua caj perbankan yang berkaitan (termasuk caj cek luar) yang dikenakan oleh bank untuk menjelaskan ceknya. (o) Peserta tidak boleh mempertikaikan atau membuat apa-apa aduan lisan atau bertulis, pengumuman atau kenyataan awam mengenai Peraduan ini sama ada semasa atau selepas Tempoh Peraduan. (p) Jika mana-mana terma di dalam ini tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasa, ini tidak akan menjejaskan atau memudaratkan penguatkuasaan Terma dan Syarat lain Peraduan ini. (q) Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, fi lain dan/atau apa jua jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini (sama ada bagi tujuan memasuki, menyertai atau menerima apa-apa manfaat atau hadiah daripada Peraduan) atau bagi tujuan penebusan hadiah atau perjalanan yang berkaitan adalah tanggungjawab pemenang semata-mata, dan Pihak Penganjur, ahli gabungan, agen sah atau agensi sertaannya tidak akan menanggung apa-apa tanggungjawab pun jua untuk kos/caj/fi/perbelanjaan ini.
--	--	--

		(r) Pihak Penganjur, ahli gabungannya, pihak ketiga yang dibenarkan dan agensi serta tidak menanggung apa-apa tanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, terlewat disebabkan perkhidmatan pos, atau disebabkan oleh kesilapan komputer, IT atau apa-apa kesilapan teknologi. Peserta bertanggungjawab memastikan penyertaannya mematuhi semua peraturan dan Terma dan Syarat Peraduan, dan bahawa penyertaannya diterima oleh Pihak Penganjur dalam bentuk yang dikehendaki oleh Pihak Penganjur. (s) Dengan menyertai Peraduan ini, semua peserta bersetuju melepaskan dan memastikan Pihak Penganjur, ahli gabungan dan agensinya, dan pekerja, pegawai, pengarah dan wakil mereka tidak dipertanggungjawabkan atas sebarang tuntutan, kerugian atau gantirugi berbangkit daripada atau berhubung dengan penyertaan mereka dalam Peraduan ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa kesilapan dalam mengira apa-apa transaksi, sebarang kerosakan atau kepincangan mana-mana sistem komputer atau peralatan), apa-apa aktiviti berkaitan Peraduan ini dan penerimaan dan/atau penggunaan, penyalahgunaan, atau milikan apa-apa hadiah yang diberikan di bawah ini. Semua kos yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dan/atau berhubung dengan Peraduan dan hadiah, termasuk tanpa had, caj pos atau caj Penyedia Perkhidmatan Internet (ISP) (jika berkenaan), semua kos pengangkutan, caj komunikasi penginapan, kos makanan dan kos berkaitan lain yang ditanggung oleh Peserta disebabkan oleh dan/atau selaras dengan penyertaannya dalam Peraduan, kos pungutan dan kos tambahan berkaitan dengan hadiah iaitu kos insurans, dll. hendaklah ditanggung semata-mata oleh Peserta. Pihak Penganjur tidak mempunyai apa-apa kewajipan untuk membayar balik Peserta untuk sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung olehnya. (t) Peserta mengakui bahawa penyertaannya dalam Peraduan ini adalah atas risikonya sendiri. (u) Pihak Penganjur, agen, penaja, wakil, ahli gabungannya dan pengarah, pegawai dan pekerja, agen dan penerima serah hak mereka masing-masing tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berhubung dengan: (i) apa-apa kegagalan untuk memenangi hadiah dalam Peraduan, hadiah yang cacat disebabkan kecuai, tindakan dan/atau ketinggalannya atau penyalahgunaan hadiah atau sebarang kerugian,
--	--	---

		gantirugi, kos, perbelanjaan, tuntutan, liabiliti, kecederaan, kematian, kemalangan yang dialami oleh Peserta semasa Peraduan atau berbangkit daripada atau berhubung dengan Peraduan, penyertaan Peserta dalam Peraduan dan/atau hadiah yang diberikan. (ii) apa-apa kelewatan dan/atau kegagalan untuk menerima dan menghantar Penyertaan Peraduan akibat sebarang kerosakan rangkaian, komunikasi, ISP atau sistem, gangguan dan/atau kegagalan yang dialami oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi Pihak Penganjur atau Peserta dan/atau diakibatkan oleh penyertaan atau langkah memuat turun apa-apa bahan dalam Peraduan. (iii) sebarang kesilapan (termasuk kesilapan ketika memaklumkan pemenang Peraduan), ketinggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam pengendalian atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, pencurian, kemusnahan, perubahan, atau akses tanpa kebenaran kepada penyertaan, atau penyertaan yang hilang atau terlewat sama ada berbangkit semasa pengendalian atau penghantaran akibat fungsi pelayan, virus, pepijat, atau sebab lain di luar kawalan Pihak Penganjur.
26.	Keadaan di Luar Kawalan	Pihak Penganjur, agen, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat ini dan peraturan berhubung dengan Peraduan jika mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak bertanggungjawab untuk memberikan pampasan kepada Peserta dalam apa cara jua dalam keadaan sedemikian
27.	Perlindungan Data	Pihak Penganjur mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk menyimpan data peribadi peserta yang selamat dan memerlukan pemproses data pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Sila ambil perhatian bagaimanapun, pihak Penganjur boleh mengemukakan data peribadi Peserta jika dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang, atau dengan waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

28.	Penyerahan	Pihak Penganjur berhak untuk menyerahkan sebarang atau kesemua hak dan tanggungjawabnya dalam Terma dan Syarat ini kepada mana-mana syarikat sekutunya mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur. Peserta juga bersetuju yang sebarang kebenaran yang diberikan dalam Terma dan Syarat ini kepada Pihak Penganjur akan berlanjut kepada syarikat-syarikat sekutu Pihak Penganjur di mana Peserta akan dianggap turut memberikan kebenaran tersebut kepada syarikat-syarikat sekutu Pihak Penganjur terbabit.
-----	------------	--